

Bil. S 18

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (1996) (BIL. 5), 1997

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 30 haribulan Julai, 1996 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, sembilan ratus dua puluh empat juta, enam ratus enam puluh sembilan ribu dan enam ratus empat puluh ringgit (\$3,924,669,640.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1996), 1995 ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan juta, sembilan ratus tujuh puluh tiga ribu dan dua ratus tujuh puluh empat ringgit (\$9,973,274.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil. 1), 1996 ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sepuluh juta, lapan ratus lima puluh ribu dan empat ratus tujuh puluh tujuh ringgit (\$10,850,477.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil. 2), 1996 ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima belas juta, tujuh ratus enam puluh sembilan ribu dan dua puluh lima ringgit (\$15,769,025.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil. 3), 1996 ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua ratus lapan puluh dua juta, satu ratus tujuh puluh lima ribu dan lima ratus ringgit (\$282,175,500.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil. 4), 1996 ;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak dua puluh lapan juta, enam ratus enam puluh lapan ribu, empat ratus lapan puluh dua ringgit dan empat puluh tujuh sen (\$28,668,482.47) ;

SEKARANG, DARI ITU, bagi menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh cerai-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut :-

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil. 5), 1997.

Gelaran
Pendek.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari dua puluh lapan juta, enam ratus enam puluh lapan ribu, empat ratus lapan puluh dua ringgit dan empat puluh tujuh sen (\$28,668,482.47) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan pelbagai perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 1996 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1996), 1995, Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil. 1), 1996, Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil. 2), 1996, Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil.3), 1996 dan Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1996) (Bil. 4), 1996, adalah dengan ini dibenarkan.

Perbelanjaan
Tambahan bagi
Tahun 1996.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Memperuntukkan.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan yang diadakan di bawah cerai (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan), 1959, adalah dengan ini dibenarkan.

Penggantian
Jumlah Wang
Yang
Didahulukan
dari
Kumpulanwang
Gagasan.

JADUAL

(1) Tajuk	(2) Gelaran	(3) Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	(4) Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
JABATAN PERDANA MENTERI			
S.A1	Jabatan Perdana Menteri	849,670.00	849,670.00
S.A2	Adat Istiadat Negara	1,100,000.00	1,100,000.00
S.A6	Keselamatan Dalam Negeri	873,400.00	873,400.00
S.A12	Polis Diraja Brunei	280,662.00	280,662.00
KEMENTERIAN PERTAHANAN			
S.B2	Angkatan Bersenjata Diraja Brunei	4,210,621.00	4,210,621.00
S.B4	Jabatan Menteri Pertahanan dan Jabatanarah Perancangan Strategik	1,600,000.00	1,600,000.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI			
S.C18	Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Paris	361,811.00	361,811.00
KEMENTERIAN KEWANGAN			
S.D52	Perkhidmatan Rampaian	4,500,000.00	4,500,000.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI			
S.E2	Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan	400,030.00	400,030.00
S.E12	Perkhidmatan Bomba	36,000.00	36,000.00

JADUAL (Sambungan)

(1) Tajuk	(2) Gelaran	(3) Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	(4) Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
S.F1	Kementerian Pendidikan	1,092,727.40	1,092,727.40
	KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG		
S.G1	Kementerian Undang- Undang	70,000.00	70,000.00
S.G4	Peguam Negara	334,260.00	334,260.00
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN		
S.L1	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	101,490.00	101,490.00
S.L41	Muzium	88,980.00	88,980.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN		
S.M2	Perubatan dan Kesihatan	8,647,598.40	8,647,598.40
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
S.N4	Penerbangan Awam	75,000.00	75,000.00
S.N7	Telekom	4,046,232.67	4,046,232.67
		<u>\$28,668,482.47</u>	<u>\$28,668,482.47</u>

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan November, 1997, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 19

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

**PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (MEMPERUNTUKKAN
DARIPADA KUMPULANWANG KEMAJUAN) (BIL. 1), 1998**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 30 haribulan Julai, 1996 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang enam ratus lima juta, satu ratus lapan puluh enam ribu dan enam ratus lapan puluh satu ringgit (\$605,186,681.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Memperuntukkan Daripada Kumpulanwang Kemajuan), 1997 ;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga ratus lima puluh dua juta, lapan puluh sembilan ribu, tiga ratus empat puluh tiga ringgit dan dua puluh lapan sen (\$352,089,343.28) ;

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut :-

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (Memperuntukkan Daripada Kumpulanwang Kemajuan) (Bil. 1), 1998.

2. (1) Peruntukan sejumlah wang selanjutnya yang tidak melebihi tiga ratus lima puluh dua juta, lapan puluh sembilan ribu tiga ratus empat puluh tiga ringgit dan dua puluh lapan sen (\$352,089,343.28) daripada Kumpulanwang Kemajuan adalah dengan ini dibenarkan.

Perbelanjaan
Tambahan
bagi Tahun
1998.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Memperuntuk-
kan.

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan \$
707	Jalan Raya	94,071,535.32
710	Elektrik	27,267,000.00
714	Perumahan Kerajaan	17,131,720.10
717	Pembekalan Air	42,703,679.34
719	Bangunan Awam	63,530,681.00
720	Perumahan Negara	106,634,727.52
731	Pengaliran Air	750,000.00
		<u>\$352,089,343.28</u>

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Safar, 1419 Hijrah bersamaan dengan 13 haribulan Jun, 1998, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM